

# Cabarhan Orang Kuat janji saingan sengit pada Tamu Gadang UMS hari ini

4B 22.11.2014 A16

Oleh VITALIS G. BINGKASAN

**KOTA KINABALU:** Cabaran Orang Kuat menjalankan aksi persaingan sengit tetapi menarik pada Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini.

"Saya harap orang ramai yang berkunjung ke Tamu Gadang UMS hari ini tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan Cabaran Orang Kuat yang julung kali diadakan di UMS," kata Kordinator Pertandingan Roger Frederick ketika dihubungi kelmarin.

Menurutnya, pertandingan bagi cabaran itu akab bermula selepas sahaja urusan pendaftaran penyertaan ditutup pada jam 9.00 pagi.

"Sebelum ini saya telah war-warkan bahawa pen-

yandang juara Orang Kuat Labuan 2014 Francis Abi yang mewakili Kolej Tiara Sulaman, dan Andoro bandang (Penjara Sabah) antara yang akan menjadi tumpuan.

"Bagaimanapun sekarang ini saya sudah ada beberapa nama lagi yang juga tidak asing dalam cabaran ini seperti Andy Gerald Pudin (Penampang) dan dua orang kuat Kudat iaitu Alfred Magabis dan Mazri Sital.

"Turut akan memberi saingan kepada peserta tempatan adalah peserta dari Sarawak, Md Hailollani Ahat, 36, dengan berat badan 110kg dan ketinggian lima kaki tujuh inci," kata Roger.

Andy pula adalah bekas juara Orang Kuat Labuan 2013 dan tempat kedua Orang Kuat JBorneo (Tuhun Tavakas JBorneo) 2011

yang turut disertai beberapa peserta luar negara. Andy, 31, mempunyai berat badan 131kg dan ketinggian enam kaki tiga inci.

Alfred, 42, dan Mazri, 30, pula antara peserta tetap kejohanan-kejohanan Cabaran Orang Kuat di negeri ini dan biaanya berada dalam senarai lima teratas.

Alfred mempunyai berat badan 96kg dan ketinggian lima kaki 11 inci manakala Mazri dengan berat badan 94kg dan ketinggian lima kaki 11 inci juga menduduki tempat kedua Cabaran Orang Kuat Labuan tahun ini.

"Rekod pencapaian peserta-peserta tersebut menjalankan saingan sengit tetapi menarik," kata Roger sambil memberitahu penyertaan masih dibuka sehingga jam 9.00 pagi ini.

Cabarhan itu mem-


pertandingkan empat acara iaitu Car Deadlift, Tire Flip 420kg, Yolk Walk 240kg dan Atlas Stone (lima biji bermula dari 100kg hingga 150kg).

Juara bakal menerima wang tunai RM1,500, kedua RM1,000, ketiga RM700, keempat RM400, kelima RM300, keenam RM200 dan sagu-hati

RM100 untuk tempat ketujuh dan kelapan.

Untuk keterangan lanjut dan urusan penge-sahan penyertaan Cabaran Orang Kuat diminta menghubungi Roger (016-8800097).


ALFRED MAGABIS



MAZRI SITAL



HAIROLLANI



ANDY GERALD PUDIN